

29/10/2003

Sikap Yahudi punca anti-Semitik

Anida Salwani Abdul Hadi

SEJAK beberapa minggu ini, dunia secara tiba-tiba hangat memperkatakan mengenai Malaysia berikutan kenyataan 'pedas' Perdana Menteri, Datuk Seri

Dr Mahathir Mohamad, berhubung masyarakat Yahudi.

Jika diperhatikan secara teliti, ucapan beliau ketika Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) berhubung isu itu hanya membabitkan dua ayat dan ia

kesinambungan kepada hujahnya mengenai penganut Islam yang perlu bersatu bagi menegakkan hak sendiri.

Bagaimanapun, sudah dijangkakan ada pihak tertentu yang sengaja mencari

sebab untuk merendah-rendahkan kewibawaan Dr Mahathir yang sememangnya bercakap mengenai hakikat masyarakat dunia hari ini.

Lantas, beliau dituduh mengembangkan lagi semangat anti-Semitik iaitu anti-Yahudi dan Arab, kononnya bersikap perkauman.

Padahal, sikap itu sudah lama diamalkan masyarakat Barat tetapi mereka sememangnya sesuai dengan pepatah 'gajah depan mata tak nampak, kuman seberang laut dapat dilihat pula.'

Ia bukan perkara baru dan sikap cepat melatah itu sejak kebelakangan ini

menjadi tabiat mereka.

Mereka juga gemar menuding jari terutama jika begitu terasa. Tetapi kita

perlu sedar, satu jari menuding ke pihak kedua, empat jari lagi tidak, membuktikan ia berpunca daripada diri sendiri.

Bagi memahami permulaan anti-Semitik, seorang pengkaji Pengurusan Awam yang juga pakar agama Kristian dan ajaran Yahudi serta Talmud, Manfred Davidmann, mengatakan sejarah masyarakat Yahudi sejak dua ribu tahun lalu

menunjukkan perubahan cara hidup dan kepercayaannya terhadap sistem sosial

sendiri sehingga memberi kesan ke hari ini.

Bagaimanapun, katanya, keadaan itu adalah sesuatu yang boleh dirawat melalui kesedaran ramai.

Umumnya, separuh penduduk Israel menyokong dasar kerajaannya dan separuh

lagi tidak. Antara pergerakan yang pro-keamanan di Israel ialah 'Peace Now' dan terdapat juga kumpulan Yahudi yang anti-Zionis seperti Nature-Karta Hassidic.

"Tetapi, apa yang penting sekali adalah, masyarakat Yahudi sendiri perlu

sedar mereka sajalah yang mempunyai kuasa untuk berubah sikap bagi membentuk pandangan dunia yang baru terhadapnya," katanya.

Terdahulu, masyarakat Yahudi berpegang kepada ajaran kitab Taurat sejak

sebelum turunnya kitab Injil dan al-Quran sebagai panduan manusia ke

jalan yang benar.

Undang-undang dan sistem sosial yang diajar dalam kitab berkenaan (Taurat) termasuk perundangan asas dan saintifik bagi setiap perbuatan, hak asasi bagi organisasi masyarakat.

Sistem ajaran Taurat itulah yang memberikan hak sama rata kepada setiap individu sekali gus melarang sesiapa mengeksploitasi atau cuba menindas orang lain .

Kesemuanya mendapat kebebasan dan menjadi tuan kepada takdir sendiri berikutan itu perlu ada satu sistem keselamatan sosial yang memberikan jaminan bukan saja kepada kebebasan itu malah melindungi sebarang kehilangan harta atau kebebasan rohani.

Menurut ajaran itu, penindasan boleh dilawan atau ditentang. Satu daripada ajaran Taurat termasuk meminjamkan wang kepada mereka yang memerlukan tanpa sebarang faedah.

Sebarang kekayaan negara termasuk tanah perlu dibahagikan sama rata. Setiap penduduk boleh mendapatkan cuti selama setahun selepas tujuh tahun bekerja malah masyarakat lain yang menanggungnya.

Bagaimanapun, sesiapa yang mengamalkan undang-undang berkenaan dan menegakkan sistem sosial Taurat sebelum ini dihukum oleh pendukung sistem diktator terutama mereka yang mahu mewujudkan kepimpinan sedemikian bagi menindas atau mengeksploit rakyat.

Agama Yahudi yang tidak berubah itu tetap menegakkan undang-undang sosial dan hak asasi manusia sedemikian malah setiap helaian kitab Taurat dibaca dan dihayati ketika perjumpaan keagamaan setiap minggu.

Pada masa sama, Taurat turut menjelaskan kesannya jika penganut menolak undang-undang berkenaan dalam bab 'Perhubungan, Punca dan Kesan.'

Malah, perkara itu turut dipersetujui ajaran agama lain di mana setiap perbuatan tentu memberi kesan tertentu sama ada terhadap diri sendiri atau orang sekeliling.

Bagi masyarakat Yahudi yang mempelajari Taurat, mereka tahu ia sejajar dengan ajaran agamanya.

Bagaimanapun, hanya segelintir orang Yahudi yang memahaminya malah secara amnya, lebih ramai mengamalkan sikap "buat-buat tidak tahu" dan ada pula tidak menyedari kewujudannya.

Dua ribu tahun lalu, penduduk yang mengikut ajaran Taurat mengetahui penduduk kaya perlu mentadbir wang bagi mewakili masyarakat dan bukan menambah kekayaan menggunakan wang rakyat.

Rakyat berhak mendapat sokongan masyarakat jika kelaparan atau kebuluran pada masa sama mengekalkan kebebasan dan memperbaiki kedudukan kewangan masing-masing.

Tetapi, orang kaya ketika itu enggan memberikan pinjaman tanpa mengenakan faedah dan mengetahui jika pinjaman berkenaan gagal dibayar dalam tempoh beberapa tahun, menurut ajaran agamanya, ia sepatutnya dimansuhkan secara automatik.

Berikutan sistem yang ditetapkan itu tidak memberikan manfaat kepada penduduk kaya malah merugikan mereka saja ditambah dengan perasaan tamak,

golongan itu berusaha sedaya-upaya untuk mengubah undang-undang ditetapkan agama bagi menyedapkan kehendak masing-masing.

Cara mereka mudah, dengan memujuk rayu pakar agama supaya berdebat menentang ajaran agama itu yang dianggap sudah lapuk dan akhirnya berjaya meluluskan satu undang-undang baru yang mengutamakan kehendak kemanusiaan.

Tetapi, perubahan berkenaan dianggap terlalu drastik sehinggakan ia menyembunyikan latar belakang sebenar berikutan penggunaan debat abstrak dan penggunaan kata-kata hebat sehinggakan undang-undang asal dilupakan generasi baru.

Ketika proses pentadbiran Yahudi mengubah kepercayaan agama dan amalan masyarakat itu berlaku, ada golongan tertentu yang menentanginya serta merekod setiap perubahan yang dilakukan pentadbiran tamak haloba itu.

Sementara yang berasakan tidak berdaya untuk mengubah kejadian itu, berpecah dan mewujudkan masyarakat lain yang meneruskan kehidupan seperti biasa. Menurut sejarah, ia menjadi detik permulaan bagi agama Kristian dikembangkan.

Pada masa sama, tanpa disedari atau tidak mereka sendiri telah menyebabkan kewujudan anti-Semitik dalam kalangan masyarakat terutama yang dilakukan oleh orang Yahudi dengan berniat mahu menindas atau mengaut keuntungan serta berkepentingan peribadi.

Perkara ini jelas dilihat hari ini, berikutan kepentingan kerajaan Yahudi yang mahu berkuasa di bawah kepimpinan Ariel Sharon, penduduk Palestin menjadi mangsa kekejaman Zionis.

Bukan itu saja, penduduk Yahudi yang tidak berdosa pula menjadi mangsa rasa anti-Semitik itu dengan penduduk Palestin yang melakukan serangan sebagai membalas dendam.

Hutang darah dibayar dengan darah dan ia berlanjutan tanpa sesiapa menyedari atau sudah lupa apa punca segala kemelut yang dilalui ini.

Setiap hari, jumlah mayat meningkat kerana pengeboman atau serangan malah ada yang dilakukan seperti satu permainan harian.

Sejak berakhirnya abad ke-20 faktor lain termasuk pembangunan pesat, teknologi moden, kemudahan pengangkutan lebih canggih turut menyumbang kepada `kiraan' sejarah itu.

Yang menjadi mangsa adalah orang Yahudi itu sendiri dan kini, kita melihat ramai lagi turut terjejas termasuk penduduk Palestin dan terbaru,

Syria pula diserang manakala pengaruhnya meluas sehinggakan Amerika Syarikat tunduk kepada setiap kehendaknya untuk menakluk dunia.

Malah, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang seperti biasa, hanya memandang dari jauh tanpa melakukan sesuatu yang betul-betul dapat menghentikan kekejaman itu.

Bagi Davidmann, puncanya jelas, Yahudi tidak menuruti sistem yang ditetapkan dalam Taurat menyebabkan mereka berubah cara dan kini, mendakwa diri sendiri `menderita' kerana dikritik masyarakat dunia dengan perasaan anti-Semitik.

Malah, seperti mengiyakan hakikat itu, mereka lebih mengganas dengan

menceroboh tanah milik penduduk Islam di Palestin dengan alasan mencari pengganas (istilah yang dipopularkan Amerika sejak kejadian 11 September 2001, sekali gus dieksploit habis-habisan golongan Zionis) menggunakan apa juga cara terutama taktik kekerasan.